

11/06/2001

Pemuda Umno harus nilai agenda perjuangan

Azhar Abu Samah

SIAPA yang bakal dilantik Ketua Pemuda negeri dan sama ada ahli Exco sedia ada dalam Pergerakan Pemuda Umno dikekal atau digantikan dijangka diketahui esok.

Sudah dua kali pengumuman mengenai perkara ini dibatalkan oleh Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Tun Hussein, pada saat akhir, sekali gus ia terus menjadi teka-teki di kalangan kepimpinan Pemuda Umno.

Kemuncak jangkaan pengumuman ini ialah ketika Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menyampaikan amanat khas Pemuda, dua minggu lalu. Ketika itu, semua anggota exco Pemuda dan Ketua Pemuda sedia ada dan yang disebut-sebut akan dilantik, memenuhi dewan perjumpaan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

Berdasarkan kenyataan Hishammuddin sebelum ini, ahli Exco Pemuda yang dilantik tidak akan diberikan tugas Ketua Pemuda negeri kerana masing-masing ada fungsi untuk dilaksanakan bagi memastikan keputusan pilihan raya umum pada 2004 akan lebih memihak kepada Umno dan Barisan Nasional (BN).

Menurutnya, pertimbangan itu dibuat kerana pemimpin Pemuda Umno masih banyak tugas yang perlu dilakukan di peringkat nasional, manakala Ketua Pemuda negeri akan berhubung rapat dengan Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri yang kini diterajui sama ada Menteri Besar, Ketua Menteri atau yang dilantik Majlis Tertinggi Umno, seperti di Kelantan dan Terengganu.

Selain itu, ia bertujuan mengurangkan beban tugas Exco Pemuda yang dilantik kerana setiap seorang daripada mereka akan diberi tugas menjaga lapan bahagian Umno di seluruh negara.

"Setiap ahli exco juga diberi tanggungjawab untuk menggerakkan biro tertentu. Paling penting, saya harus memikirkan pendekatan terbaik untuk kita berdepan dengan pilihan raya akan datang," katanya pada satu pertemuan, baru-baru ini.

Bagi calon Ketua Pemuda negeri pula, katanya, pertimbangan yang diambil adalah sama ada calon itu mempunyai hubungan baik dengan Pengerusi Perhubungan Umno negeri.

"Ini penting kerana apa jua kegiatan Pemuda tidak akan membawa makna tanpa sokongan dan kerjasama pada peringkat bahagian dan akar umbi," katanya.

Namun, beliau juga tidak menolak pandangan dan maklum balas daripada kepimpinan Pemuda Umno bahagian ketika melantik Ketua Pemuda negeri.

Hishammuddin tahu keputusan yang akan dibuatnya minggu ini tidak akan dapat memenuhi kehendak semua ahli Pemuda, namun beliau rasa sudah memadai sebahagian besar daripada pemimpin dan ahli Pemuda menyokong keputusannya itu.

"Saya tidak meletakkan pertimbangan memilih calon melalui sokongan peribadi," katanya yang sekali gus menafikan ada usaha kuat untuk melobinya dalam menentukan pelantikan seseorang calon, sama ada untuk kerusi Exco Pemuda atau Ketua Pemuda negeri.

Mengenai barisan exconya, beliau mengakui akan ada perubahan, termasuk pengerusi biro yang akan dilantik.

Difahamkan, rombakan yang akan dibuat juga membabitkan biro yang sudah diwujudkan sebelum ini, iaitu menggabungkan biro sedia ada supaya tidak berlaku pertindihan tugas.

Selain itu, ia bertujuan mengemaskan fungsi biro berkenaan dan mengubah

nama biro, antaranya Biro Perhubungan Awam kepada Biro Pengaduan Awam, dalam memenuhi kehendak masyarakat dan ahli Umno yang memerlukan khidmat atau nasihat.

Ketika ini Pemuda Umno mempunyai 12 biro, iaitu Biro Penerangan, Ekonomi, Antarabangsa, Pembangunan Luar Bandar, Briged Putra, Sukan, Hal Ehwal Pengguna, Pendidikan, Belia, Perhubungan Awam, Latihan dan Tugas-Tugas Khas.

"Saya perlu menyesuaikan biro dengan kemampuan ahli Exco. Sebagai Ketua Pemuda, saya dapat melihat dan menilai setiap ahli Exco berminat dan bersungguh-sungguh dalam bidang apa.

"Saya rasa ini penting kerana jika kita meletakkan mereka di biro yang tidak diminati, biro berkenaan tidak mampu digerakkan. Akhirnya, biro tidak berfungsi seperti yang kita harapkan," katanya yang mengakui ada biro tidak berfungsi seperti diharapkan.

Katanya, Pemuda Umno harus menilai kembali agenda yang menjadi teras perjuangannya, termasuk memberi tumpuan utama dalam soal hak orang Melayu, hak pendidikan dan masalah sosial orang Melayu, selain memastikan kewujudan biro berkenaan lebih pragmatik dan sesuai dengan suasana semasa.

Difahamkan, beberapa pengerusi biro sedia ada akan digugurkan, diberikan tugas lain dan ada timbalan pengerusi biro sebelum ini dilantik mengetuai biro berdasarkan kesediaan dan jaminan mereka untuk memberikan khidmat terbaik.

Mereka yang digugurkan pula bukan kerana alasan tidak menunjukkan prestasi baik, sebaliknya meminta tidak dipilih semula bagi memberi tumpuan kepada Umno bahagian, khususnya mereka yang menang pada pemilihan bahagian baru-baru ini, antaranya Zein Isma Ismail dan Shaziman Abu Mansor.

Bagaimanapun, ada barisan exco yang dilihat tidak menyumbang kepada biro masing-masing, termasuk tidak menghadiri mesyuarat biro dan menyertai program anjuran Pemuda Umno, disebut-sebut akan digantikan atau diletakkan di biro yang kurang penting dalam memenuhi agenda Pemuda Umno.

Malah, Hishammuddin mengakui banyak perubahan sudah boleh dilihat pada Pemuda Umno hari ini jika dibandingkan dengan sebelumnya.

Namun, baginya, masih banyak ruang yang perlu diperbaiki dan fokus terdekat yang akan dibuat ialah untuk menebus semula maruah dan imej Pemuda Umno yang agak tercalar sebelum ini kerana dilihat kurang 'bersuara' dalam mempertahankan hak keistimewaan Melayu yang dibangkitkan beberapa pihak, termasuk sayap kanan parti komponen BN.

Walaupun beliau tidak mahu sangat menekankan soal proses 'kepemudaan' dalam barisan kepimpinan Umno Pusat dan kerajaan, khususnya ruang dan peluang memegang jawatan, namun bagi Hishammuddin, soal pemimpin Pemuda yang dilabel dan dituduh tamak, rakus dan gelojoh oleh segelintir pihak tidak akan dikompromi.

Beliau mengakui proses 'kepemudaan' harus berjalan secara berterusan dan ruang serta peluang harus diberikan kepada Pemuda, selain mahu pemilihan untuk memberikan jawatan ke atas wakil Pemuda perlu berhati-hati demi mengelakkan ia gagal dilaksanakan, sekali gus menutup terus ruang dan peluang yang akan diberikan oleh pemimpin Umno dan kerajaan pada masa akan datang.

"Soal jawatan dan tempat tidak harus diberi hanya kerana mereka itu Pemuda Umno. Ini bukan satu keistimewaan kepada Pemuda tetapi sekurang-kurangnya mereka dapat pendedahan, pengalaman dan ilmu.

"Saya sendiri apabila diberi peluang menjadi menteri mendapati bahawa banyak perkara yang perlu saya pelajari. Proses mengasuh dan membimbing anak muda harus dilakukan secara berterusan. Jika tidak, mereka akan terkapai-kapai apabila tiba-tiba diberi jawatan.

"Proses menyediakan mereka dengan pengalaman dan pendedahan perlu

dilakukan mulai sekarang. Saya percaya pilihan raya akan datang akan menonjolkan lebih ramai pemimpin muda," katanya.

Jelaslah, beliau bukan pemimpin yang jenis suka mendesak, sebaliknya lebih suka melihat pemimpin atasan memahami isyarat yang diberikan Pemuda Umno, lebih-lebih lagi Pemuda Umno adalah warisan Umno yang sememangnya perlu dilengkapi dengan ilmu berpolitik yang matang, selain memiliki budaya kerja cemerlang.

(END)